



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memenuhi syarat Sijil Pematuhan Cukai (TCC) iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus "PATUH" serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
<p>MBMB/T/2026/7</p> <p>KERJA MENAIK TARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SUNGAI PUNGGOR, ALAI, MELAKA</p> <p>PERUNTUKAN : MOTAC</p> <p>TARIKH KELULUSAN : 21/04/2026</p> <p>NO. RUJUKAN FAIL : MBMB/JK/00887(P)</p>	<p><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></p> <p>Gred G4</p> <p>Kategori B</p> <p>Pengkhususan B04</p>	<p><u>HARGA</u></p> <p>RM50.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p><u>TARIKH</u></p> <p>05 Mei 2026 (Selasa) sehingga 26 Mei 2026 (Selasa)</p>	<p>05 Mei 2026 (Selasa) Jam 9.30 pagi. Berkumpul di Medan Selera D’Muara Alai, Telok Mas, Melaka</p> <p>Koordinat Lokasi : 2.171305, 102.308023</p> <p>1. Lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u></p> <p>2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak</p> <p>3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u></p>	<p><u>TARIKH</u></p> <p>26 Mei 2026 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari Sistem Tender Online Melaka (STOM) yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my> Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **05 Mei 2026 (Selasa) sehingga 26 Mei 2026 (Selasa)**.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
 sk : Datuk Bandar
 Setiausaha Bandaraya
 PK
 Ketua Audit Dalam